

# BAHASA MELAYU

(Oleh Musyfa')

## Yang tua dan yang muda pun ada salahnya masing-masing!

Sebagaimana yang saya tahu adalah tiap-tiap bangsa di dalam alam ini memuliakan bangsa dengan beberapa jalan-jalan yang baik, maka satu daripada yang demikian sekurang-kurangnya ialah memakai bahasa masing-masing kerana bahasa itulah menunjukkan bangsa.

Pada peringatan saya, telah terbaca saya sebuah buku Inggeris bagi pengetahuan am. Yang tersebut di dalamnya bahawasanya orang-orang dan kerajaan Jepun sudah menyatakan di dalam mesyuarat kerajaannya, kira-kira 25 tahun sebelum mulai perperangan besar dunia yang kedua itu yang Jepun sudah bercagar hendak menakluki segala negeri-negeri di Timur jauh ini dan jika berpeluang serta berkejayaan ia maka segala tanah-tanah yang ditaklukinya itu hendaklah di perjepunkan samada tentang bahasa – sekurang-kurangnya – adat lembaga, pakaian-pakaian pergaulan, perkerjaan-pekerjaan, (perusahaan-perusahaan) dan apatah lagi undang-undang kerajaan, terkecualilah agama penduduk-penduduk negeri itu masing-masing. Kandungan yang semacam ini di dalam buku itu telah saya terjemahkan ke bahasa Melayu dan saya kirimkan kepada suatu surat khabar Melayu di Semenanjung ini sebagai suatu makalah saya. Akan tetapi malangnya tidak disiarkannya kerana pada masa itu tentera Jepun sudah menduduki Tanah-tanah Melayu kita ini. Maka takutlah pengawas-pengawas surat khabar itu menyiarkan rencana saya itu. Tuan-tuan pembaca pun tahu lah sendiri bagaimana perjalanan pemerintahan Jepun pada masa itu!

Oleh sebab sekarang bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah dirasmikan menjadi bahasa-bahasa khas kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini. Maka kebanyakkan umat-umat Melayu di Semenanjung ini pun ada sedang berusaha membaiki bahasa Melayu Semenanjung Tanah Melayu ini iaitu tempat tumpah darah mereka itu masing-masing). Akan tetapi bila di perhatikan

betul-betul pergerakkan ini maka didapatilah susunan itu yang dikatakan tertib aturan-aturan bahasa Melayu Semenanjung kita ini banyak yang telah berubah dan terpesong dan semakin berubah dan terpesong daripada dahulunya. Bila ditanya kepada setengah-setengah tuan-tuan pengubah itu maka di jawab oleh mereka itu: "Bahawa sekarang "zaman" baharu dan semua-semuanya mestilah menjadi baharu. Kita tidak mesti turut juga apa-apa yang sudah ada dalam zaman purba itu. Kerana semuanya yang dahulu itu sudah jadi tua. Maka semuanya yang tua itu karut, lapuk dan kolot!" Maka mengucaplah saya istighfar Allah al-'Azim tatkala mendengar jawapan yang demikian.

Sesungguhnya saya pun mengaku bahawa setengah-setengah perkara tua itu karut dan salah samada pada agama Islam dan setengahnya menggalakkan kemajuan bangsa kita Melayu Semenanjung ini maka tiap-tiap satu daripada yang demikian itu wajib dibuang dan carilah atau rekalah, atau tirulah sebarang mana yang baik, lagi tidak pula yang ditiru itu ditegah oleh agama Islam. Maka jadikanlah dia pengganti apa-apa yang kita telah buang itu. Di sini wajiblah kita sekalian umat Islam ingat! Mestikah kita buang firman-firman Allah di dalam Quran itu yang telah diturunkan-Nya kepada junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) dan tolak ke tepi hadis-hadis Rasulullah (SAW) itu yang termasuk ke dalam lingkungan yang di katakan tua juga itu? Jawab kita kirakan sahaja hijrah Nabi kita (pindahnya dari Mekah ke Madinah) yang sekarang sudah 1372 tahun lamanya dahulu itu maka mestikah di masukkan ke dalam bilangan tua dan mestikah di buang kandungan Quran dan hadis-hadis (SAW) itu? Inilah sebabnya sekarang (agaknya) ada beberapa ulama-ulama baru yang bertaklid buta sedang memintal tali bagi menjerat leher umat-umat Islam yang bodoh supaya dapat dihela mereka itu ke dalam medan kebebasan sama berkuasa lelaki dan perempuan, iaitu medan kebinasaan yang dihiasi dengan berbagai-bagai jenis perhiasan membuka nafsu dan yang membukakan hati saya bodoh-bodoh (umat-umat Islam lelaki dan perempuan yang bodoh dan terpedaya itu).

(Sambungan pada muka 22)

fiqah itu telah melakukan suatu kerja yang besar dalam usaha mereka memecahkan cawangan-cawangan hukum dan merjungkannya kepada asal dan puncanya, kerana kita semua tahu adalah syariat itu tiada membawa dan menghuraikan satu persatu akan segala nas yang mengenai furu' dan menentukan bagi tiap-tiap suatu keadaan, suatu hukum yang khas baginya.

Inilah dia keadaan yang nyata dan benar bagi menolak dakwaan yang mengatakan bahawa "ilmu fiqah Islam" itu daripada rekaan ilmu ulama ahli fiqah.

Orang-orang yang membuat dakwaan tersebut telah tersilap kerana mereka mengkias dan membandingkan undang-undang fiqh Islam dengan undang-undang buatan manusia, pada hal telah maklum bahawa hukum-hukum yang ditentukan oleh undang-undang buatan manusia adalah direka oleh pakar-pakar undang-undang sebelum ia dikuatkuasakan dan dijalankan.

Sekianlah mudah mudahan orang-orang kita yang terpelajar cara barat mengkaji dengan sedalam-dalamnya akan undang-undang Islam sebelum mendatangkan sebarang tuduhan yang mengeliru dan mencemarkan kebenaran.

(Sambungan dari muka 18)

Tidaklah payah saya melanjutkan lagi perkara-perkara yang berkenaan dengan hukum-hukum Islam kita yang sebenar-benarnya itu kerana telah acapkali disiarkan oleh tuan-tuan yang berhak di dada majalah "Qalam" yang amat permai dan cemerlang ini.

Terlanjur di penggal makalah ini saya telah menarik perhatian ramai berkenaan dengan bahasa menunjukkan sesuatu bangsa itu kepada amnya maka berertihal ia bahasa Melayu Semenanjung ini pun termasuklah juga, maka tak dapat tidak bahawasanya bahasa Melayu Semenanjung Tanah Melayu ini menunjukkan bangsa kita Melayu Semenanjung Tanah Melayu ini khasnya dan oleh sebab yang demikian, sepatut-patutnya apa-apa yang berkenaan dengan bahasa Melayu itulah yang dikehendaki saya tuliskan di sini, akan tetapi oleh sebab saya tidak

hendak mencampurkan perkara-perkara agama dengan perkara-perkara bahasa maka meminta mengapalah sahaja saya dahulu. Insha Allah Ta'ālā di dalam keluaran majalah "Qalam" sekali lagi adalah kelak saya akan memberi berbagai-bagai misal gaya bahasa Melayu kita di Semenanjung ini yang telah menjadi bahasa Melayu campur aduk disebabkan oleh kebanyakkan penulis-penulis kita sekarang sedang berperi-peri menerkam mengambil apa sahaja yang baharu. Jika kita berusaha menghalusi tiap-tiap suatunya maka bertemulah kita dengan seterang-terangnya bahawa yang tua dan yang muda - yang lama dan yang baharu itu tiada sunyi daripada salah dan khilafnya masing-masing.

### Bacalah Buku-buku Yang Menghidupkan Roh Islam!

Muhammad (SAW)	4 penggal, Sepenggal	\$1.20
Abū Bakr al-Sid̄diq	2     "	"     \$1.20
'Umar ibn al-Khaṭṭab (sedang di susun)		
'Uthman ibn 'Affan	2     "	"     \$1.20
Baginda 'Alī (Cetak Kedua)	2     "	"     \$1.20
Aishah Binti al-Sid̄diq	2     "	"     \$1.20
(sedang di cetak kedua kalinya)		
Salehuddin Al-Ayubi	4     "	"     \$1.00
Penggal Keempat		50
Puteri Safayul	2     "	"     \$1.20
Hussin di Padang Karbala	2     "	"     \$1.20
Perempuan Islam		30
Perempuan dan Pilihan Raya		40
Allah (Jallā Jalaluhu)		40
Seruan Kita	2     "	30
Qada dan Qadar		25
Taksub		30

Pintalah kepada penerbitannya

**QALAM**  
**356 & 358 GEYLANG ROAD, SINGAPORE**